

14 MAY 2001

MAHATHIR-INDIA

INDIA JAMIN SEMAK DUTI MINYAK SAWIT

PUTRAJAYA, 14 Mei (Bernama) -- Kerajaan India telah memberi jaminan kepada Malaysia bahawa ia akan menyemak semula duti import minyak sawitnya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Beliau berkata komitmen untuk menyemak semula telah berikan oleh Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee yang kini melawat Malaysia, ketika rundingan dua hala pagi tadi.

"Mereka (Kerajaan India) memberi jaminan bahawa mereka akan mengkaji masalah duti import," katanya kepada pemberita selepas menemui kira-kira 500 bekas anggota keselamatan di Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Duti import minyak sawit ke India adalah kira-kira 92.4 peratus sementara duti minyak kacang soya adalah 50.8 peratus.

Perbezaan yang ketara antara kedua-dua kadar itu telah menjadi kemusykilan kepada Malaysia kerana duti yang lebih tinggi menjadikan minyak sawit lebih mahal di India.

Ini memberi kesan kepada habuan pasarannya berbanding minyak-minyak sayuran lain, khususnya minyak kacang soya.

Baru-baru ini, kerajaan Malaysia dan Indonesia telah meminta India supaya mengurangkan duti import ke atas minyak sawit mentah (MSM) sehingga 45 peratus supaya setara dengan duti ke atas minyak kacang soya.

Dr Mahathir juga berkata syarikat-syarikat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) harus mengambil peluang untuk mengadakan hubungan dengan syarikat-syarikat ICT India yang lebih terkenal untuk memajukan kemahiran mereka dalam bidang itu.

Sementara itu, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik yang telah menemui perdana menteri India itu berkata: "Saya yakin dengan semangat untuk memperbaiki hubungan dagangan kita, kerajaan (India) akan melakukan apa yang perlu untuk menunaikan janji-janji ini."

Beliau berkata Malaysia memahami bahawa jika tarif itu dikurangkan sehingga 45 peratus, iaitu setara dengan minyak soya, petani-petani di India akan mendapati sukar untuk bersaing dengan harga minyak sawit yang diimport.

Bagi melindungi petani India, beliau mencadangkan supaya kerajaan India memperkenalkan levi pembangunan, iaitu langkah domestik bagi membawa harga minyak diimport ke paras yang sama dengan minyak keluaran dalam negeri.

Mengenai janji niaga bagi pertukaran minyak sawit dengan kontrak keretapi dengan pihak-pihak India, Dr Lim berkata: "Pada harga minyak sawit hari ini, kira-kira 1.5 juta tonne (sebagai paras terendah) akan dieksport ke India untuk tempoh lima tahun akan datang."

Memorandum Persefahaman yang dimeterai mengenai janji niaga itu adalah antara kerajaan Malaysia (Kementerian Pengangkutan) dengan IRCON International Ltd dari India bagi pembinaan landasan dua hala berelektrik antara Ipoh ke Padang Besar. Keseluruhan projek itu dianggarkan bernilai antara RM6 bilion dan RM7 bilion.

Tahun lepas, India mengimport 3.55 juta tonne minyak sawit dengan 60 peratus daripadanya datang dari Malaysia.

Komposisi jumlah import minyak dan lemak India tahun lepas adalah 67 peratus bagi minyak sawit, 17 peratus minyak kacang soya dan 12 peratus minyak bunga matahari. -- BERNAMA

SM SHY JR